



## MEMO

### BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL JABATAN TENAGA MANUSIA

Rujukan : JTM/HQ/900-3/11 Jld. 4(45)

Tarikh : 26 Februari 2026

PERKARA	EDARAN ARAHAN KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA - DOKUMEN KUALITI PINDAAN 1/2026, JABATAN TENAGA MANUSIA	
KEPADA	1. SEMUA PENGARAH BAHAGIAN JTM 2. SEMUA PENGARAH ADTEC JTM	SALINAN :
DARIPADA	KETUA PENGARAH JTM	1. Fail

YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Manusia telah membuat pindaan kepada lima (5) dokumen kualiti selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 serta penambahbaikan berterusan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan JTM.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan bersama dokumen kualiti yang terlibat dalam pindaan berkenaan untuk perhatian dan tindakan pihak YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan.

- i. Manual Kualiti
- ii. Garis Panduan Kajian Semula Pengurusan
- iii. Garis Panduan Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan
- iv. Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Sepenuh Masa Sijil Teknologi, Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi ADTEC JTM
- v. Garis Panduan Pengurusan Pengambilan Pelajar Sepenuh Masa

4. Justeru, semua pihak yang terlibat diminta untuk mengambil maklum, mengguna pakai serta memastikan pelaksanaan dokumen kualiti terbaharu ini sepenuhnya di peringkat bahagian dan kampus masing-masing. Sebarang versi dokumen terdahulu yang berkaitan adalah terbatal dan hendaklah ditarik balik bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan.

5. Bersama ini dilampirkan dokumen kualiti tersebut untuk rujukan dan tindakan lanjut YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan. Dokumen kualiti tersebut juga boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi JTM di pautan <https://www.jtm.gov.my>. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

(a) **Ts. Mohd Nor Azlan bin Mohamed Sidek**  
**No. Tel.: 03-88865521**  
**E-mel: [mnazlan@mohr.gov.my](mailto:mnazlan@mohr.gov.my)**

(b) **Pn. Siti Aishah binti Mohd Rashid**  
**No. Tel.: 03-88862414**  
**E-mel: [sitiaishah@mohr.gov.my](mailto:sitiaishah@mohr.gov.my)**

6. Kerjasama dan komitmen YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan amat dihargai bagi memastikan pematuhan serta keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti JTM secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*"Pekerja Kesuma Bangsa"*

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA)